

18 JUN 2003

Umno-Puteri (PAS)

PUTERI UMNO TIDAK GENTAR DENGAN "PUTERI PAS"

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pergerakan Puteri Umno tidak merasa terganggu dengan kemunculan "Puteri PAS" sebaliknya menyifatkan perkembangan itu sebagai memperlihatkan kebimbangan PAS terhadap keberkesanan pergerakan itu.

"Saya rasa seronok, secara tidak langsung mereka (PAS) mengakui keberkesanan kita," kata Ketua Puteri Azalina Othman Said pada sidang media selepas menggulung perbahasan perhimpunan pergerakan itu di sini hari ini.

Azalina berkata beliau juga tidak sabar untuk menghadapi pilihan raya umum bagi membantu Umno berhadapan dengan PAS.

"Saya tidak takut, saya jelak dan jijik (PAS) menggunakan Islam sebagai alasan politik mereka," katanya.

Beliau berkata Puteri Umno perlu bekerja keras menentang PAS dan tidak perlu gentar dengan "tok guru" PAS.

"Kita (Puteri Umno) pejuang bangsa. Kalau angkat bunga manggar, maka Puteri adalah aksesori pada Umno, bukan pelengkap parti," katanya.

"Ini perkara serius (untuk menentang PAS), kalau setakat bawa beg, pakai tag, ambil gambar (di Perhimpunan Agung), balik tak ingat apa, tak akan jadi apa," katanya.

Beliau berkata Puteri Umno akan berusaha untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional di Terengganu dan Kelantan sebagai hadiah yang bernilai bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan berundur Oktober ini.

Azalina berkata pergerakan itu sedang berusaha agresif menarik anggota baru dan mendaftarkan anggota yang layak sebagai pemilih.

Seramai 121,842 anak muda serikandi negara kini menganggotai Puteri Umno dan kira-kira 40,000 daripadanya masih belum berdaftar.

Beliau sementara itu berkata Puteri Umno masih dapat mengawal unsur seperti pertelingkahan dalaman memandangkan pergerakan itu masih lagi baru ditubuhkan.

"Ini menyebabkan pergerakan ini lebih fokus dengan sesuatu isu. Kalau kita fokus kepada pilihan raya umum, kita akan memberikan tumpuan ke arah itu," katanya.

-- BERNAMA

LES KHY MOZ